

PEJABAT PENDAFTAR
REGISTRAR OFFICE

Rujukan Kami : UPM.500-1/1/5 (Luaran)

Tarikh : 22 Januari 2025

SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Dato'/ Profesor / Tuan/ Puan,

**IKLAN PENGISIAN JAWATAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG DI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas berkaitan pengisian jawatan Penasihat Undang-Undang di Universiti Putra Malaysia.

2. Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan ini ingin mempelawa semua individu yang berminat dan berkeelayakan untuk mengisi jawatan Penasihat Undang-Undang, UPM.

3. Bersama-sama ini dilampirkan borang permohonan berserta kriteria pemilihan calon yang telah ditetapkan berdasarkan Statut UPM. Untuk makluman YBhg. Dato'/ Profesor/ tuan/ puan, tarikh tutup permohonan adalah pada **21 Februari 2025 (Jumaat)**.

4. Sekiranya pihak YBhg. Dato'/ Profesor/ tuan/ puan mempunyai sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut mengenai perkara tersebut boleh hubungi Encik Azizi bin Ismail (kb_bgi@upm.edu.my) / Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir (idasu@upm.edu.my), Bahagian Governan dan Integriti di talian 03-9769 6943. Kerjasama dari pihak YBhg. Dato'/ Profesor/ tuan/ puan untuk memajukan hebahan ini kepada semua pihak dan individu berkeelayakan adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian untuk perhatian dan tindakan YBhg. Dato'/ Profesor/ tuan/ puan selanjutnya.

"MALAYSIA MADANI"
"BERILMU BERBAKTI"

Saya yang menjalankan amanah,



(MUHAZAM BIN MANSOR)
Pendaftar
Universiti Putra Malaysia

s.k Naib Canselor Universiti Putra Malaysia



Pengiklanan Jawatan Tertinggi Universiti Putra Malaysia

PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN INDIVIDU YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

PENASIHAT UNDANG-UNDANG

- Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan Tertinggi
- Taraf Lantikan : Kontrak
- Tempoh Lantikan : Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada tempoh yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah Universiti.
- Gaji dan imbuhan : Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama C (VU7) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA)

SYARAT PERMOHONAN

1. Calon adalah dari warganegara Malaysia;
2. Berumur 40 tahun hingga 55 tahun;
3. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran adalah satu kelebihan;

CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah menggunakan borang yang boleh dicapai melalui laman web Pejabat Pendaftar (ruang **Pengumuman**):
<https://pendaftar.upm.edu.my>;
2. Mengemukakan *Curriculum Vitae* yang terkini termasuk maklumat pengalaman, kepimpinan dan pencapaian; dan
3. Kertas cadangan serta wawasan jangka pendek dan jangka panjang (*key performance indicator*).

Penghantaran borang permohonan jawatan, *Curriculum Vitae* (CV) dan dokumen berkaitan adalah secara:

Secara Fizikal:

Secara Digital:

Bahagian Governan
dan Integriti
Tingkat 4, Bangunan
Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
(u.p: Encik Azizi bin Ismail)

kb_bgi@upm.edu.my
idasu@upm.edu.my

Tarikh Tutup:

21 Februari 2025 (Jumaat)

**Permohonan yang lengkap dan lulus
di peringkat saringan sahaja akan
dipanggil temuduga**

Sebarang pertanyaan sila hubungi:
Puan Ida Suhaila binti Md. Tahir (03-9769 6943)

#WeLoveUPM



PEGAWAI SEDANG BERKHIDMAT DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA DAN CALON LUAR YANG BERKELAYAKAN DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG DI UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA. MAKLUMAT JAWATAN TERSEBUT ADALAH SEPERTI BERIKUT:

PENASIHAT UNDANG-UNDANG GRED UTAMA C (VU7)

Kumpulan Perkhidmatan	:	Pengurusan Tertinggi.
Taraf Lantikan	:	Kontrak/ Peminjaman.
Tempoh Lantikan	:	Satu (1) hingga tiga (3) tahun untuk setiap lantikan tertakluk kepada Lembaga Pengarah Universiti Putra Malaysia (LPU).
Gaji dan Imbuhan	:	Gaji permulaan dan imbuhan adalah setara dengan Gred Utama C (VU7) mengikut Sistem Saraan Perkhidmatan Awam (SSPA).

SYARAT PERMOHONAN

- 1) Calon adalah dari warganegara Malaysia.
- 2) Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. Mempunyai kelayakan Ijazah Sarjana dan Ijazah Kedoktoran adalah satu kelebihan.
- 3) Berpengalaman luas dalam profesion Undang-undang sekurang-kurangnya 15 tahun.
- 4) Berpengalaman memegang jawatan Penasihat/ Pegawai Undang-Undang di mana-mana Universiti Awam, Agensi Kerajaan atau Swasta, *Government Link Company (GLC)*, syarikat Multinasional atau mana-mana syarikat terkemuka dan diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Keutamaan diberikan kepada Pegawai yang sedang atau pernah berkhidmat dengan Agensi Kerajaan.

RINGKASAN TUGAS

Menjadi penasihat utama mengenai hal ehwal undang-undang berkaitan dengan Universiti kepada Lembaga Pengarah Universiti dan mana-mana pihak berkuasa Universiti yang lain,

menjadi ketua Pejabat Penasihat Undang-Undang, menggubal, menyemak dan menyediakan dokumen perundangan dan surat cara perundangan untuk kelulusan Pihak Berkuasa Universiti yang berkenaan, memberi nasihat mengenai transaksi yang dimasuki oleh Universiti dengan pihak ketiga setakat nasihat itu berkaitan dengan isu perundangan bagi transaksi itu, mengendalikan urusan guaman Universiti, menasihati dan mengemukakan tafsiran undang-undang mengenai apa-apa peruntukan Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah dan Peraturan-Peraturan Universiti sekiranya diminta oleh Pihak Berkuasa Universiti dan menjalankan tugas-tugas dan fungsi lain yang diarahkan oleh Naib Canselor dari semasa ke semasa. **Penasihat Undang-Undang bertanggungjawab dan melapor kepada Naib Canselor dan Lembaga Pengarah Universiti.**

KRITERIA PEMILIHAN

KRITERIA UMUM

Kebolehan Memimpin dan Mengurus

- 1) Mempunyai *people skill* yang boleh menerajui transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi selaras dengan *core business* Universiti serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kerja cemerlang;
- 2) Menegakkan prinsip-prinsip kepimpinan yang baik termasuk sikap anti rasuah, berdisiplin tinggi dan sentiasa mempamerkan komitmen yang tinggi.

Reputasi

- 3) Mendapat *command of respect* dari kalangan rakan sejawat. Menjadi *role model* kepada semua peringkat staf berdasarkan pencapaian, tingkah laku, dan pengaruh selain mempunyai pengalaman dan *proven track record* serta disanjung baik dan dihormati masyarakat dalam dan luar kampus.

Kemahiran Komunikasi dan Interpersonal yang Mantap

- 4) Keupayaan seseorang untuk berkomunikasi dengan jelas, mendengar dengan baik dan berinteraksi dengan orang lain secara efektif dan berkemampuan untuk mengurus konflik dengan cara yang membina.

Personaliti

- 5) Seorang yang berintegriti tinggi, teguh berpegang kepada nilai dan etika, berkeyakinan tinggi, berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi terutama dalam aspek kejujuran serta kesopanan, *team player*, berpandangan jauh, proaktif, dinamik, bertanggungjawab, beretika, patriotik dan bermotivasi tinggi;
- 6) Memiliki dan mempraktikkan nilai dan etika yang tinggi dalam setiap tindakan serta menggalakkan prinsip ketelusan, keadilan, integriti dan profesionalisme dalam pengurusan organisasi secara keseluruhan.

KRITERIA KHUSUS

Pakar dalam aspek undang-undang

- 1) Berkemampuan dalam memberikan nasihat yang betul, tepat dan signifikan secara bertulis atau lisan kepada pihak Pengurusan Universiti dan jabatan-jabatan mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan undang-undang, melaksanakan apa-apa tugas lain yang bersifat undang-undang, yang dari semasa ke semasa dirujuk atau ditugaskan kepadanya dan menunaikan fungsi yang diberikan kepadanya oleh atau di bawah Perlembagaan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain.
- 2) Berkepakaran dalam menggubal/ meminda undang-undang utama dan subsidiari termasuk peraturan-peraturan yang sedang dan akan diguna pakai oleh pihak Universiti.
- 3) Cekap dalam memastikan dan menyemak segala dokumen perjanjian dan dokumen yang mempunyai kesan di sisi undang-undang untuk ditandatangani oleh pihak Universiti.
- 4) Menjadi perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-undang dan memfailkan tindakan bagi pihak Universiti sebagai yang menuntut; dan sebagai perantara yang bijaksana bagi pihak Universiti dalam kes-kes sivil atau kes-kes lain yang di bawah bidang kuasa dan kawalan Penasihat Undang-undang dan tindakan di mahkamah apabila pihak Universiti dituntut.
- 5) Berupaya menangani isu yang sensitif dengan bijaksana, seperti kes-kes yang melibatkan hak asasi manusia disamping mengekalkan standard etika yang tinggi dan memastikan bahawa universiti beroperasi mengikut undang-undang dan prinsip moral yang kukuh.
- 6) Berkebolehan mengenal pasti, menjangka dan menganalisis isu dan masalah yang berkaitan dengan perundangan serta boleh mengatur strategi penyelesaian yang berkesan.
- 7) Mempunyai kompetensi dalam undang-undang harta intelek dan undang-undang yang berkaitan dengan "*core business*" Universiti.

CARA MEMOHON

- 1) Permohonan boleh di buat dengan mengemukakan **borang yang disediakan** berserta **Curriculum Vitae (CV) yang lengkap** dengan maklumat termasuk pengalaman, kepimpinan dan pencapaian.
- 2) Borang permohonan dan CV perlu dihantar secara **salinan lembut** dan **salinan keras** untuk urusan saringan.

- 3) Semua Permohonan hendaklah sampai selewat-lewatnya pada **21 Februari 2025 (Jumaat)** di alamat berikut:

salinan keras: Bahagian Governan dan Integriti
Pejabat Pendaftar
Tingkat 4, Bangunan Canselori Putra
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang
SELANGOR
(u.p: Encik Azizi Ismail)

dan

salinan lembut : kb_bgi@upm.edu.my / idasu@upm.edu.my

- 4) Permohonan yang lulus di peringkat saringan sahaja akan dipanggil temuduga.

- 5) Sebarang pertanyaan sila hubungi:

Encik Azizi Ismail / Puan Ida Suhaila Md. Tahir
Telefon: 03-9769 6943

MAKLUM BALAS

Pemohon yang tidak menerima apa-apa maklum balas dalam masa **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan ini dianggap tidak berjaya.

Pejabat Pendaftar
UPM